



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN SEPTEMBER 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan September 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negeri.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, adalah 50.1 bagi bulan September 2023, menunjukkan sentimen yang agak optimistik mengenai keadaan perniagaan di sektor swasta. Secara amnya, beberapa faktor yang menyumbang kepada sentimen ini termasuk pemulihan permintaan bagi produk dan perkhidmatan selepas musim cuti persekolahan pada bulan Ogos. Selain itu, perniagaan juga menjalka peningkatan secara keseluruhan dalam aktiviti perniagaan disebabkan oleh jualan yang meningkat, serta pelanggan dan projek-projek pembinaan baharu. Bagi bulan Oktober 2023, indeks Keadaan Perniagaan satu bulan ke hadapan berada di tahap 50.4, menunjukkan tahap sentimen yang lebih optimistik, disebabkan oleh jangkaan peningkatan tahap pengeluaran dan jualan hasil daripada kempen pemasaran dan promosi.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan September 2023, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga dijangka akan meningkatkan perbelanjaan pelaburan pada bulan September 2023 dan bulan-bulan seterusnya. Ini termasuk pembukaan cawangan baharu untuk pengembangan perniagaan, pengubahsuaian, dan

pembelian peralatan dan kelengkapan baharu. Sebahagian perniagaan juga mengongsikan keperluan untuk membeli lebih banyak bahan dan peralatan berkaitan dengan projek; dan tambahan inventori sebagai persiapan bagi musim pembayaran bonus gaji pada penghujung tahun dan sambutan perayaan yang akan datang.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan September 2023 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, terdapat perancangan untuk meningkatkan jumlah pekerja pada bulan September dan Oktober 2023. Para peniaga memerlukan tenaga manusia untuk pengembangan perniagaan, melaksanakan projek-projek baharu dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan baharu.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.3 bagi bulan September 2023, dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan dijangka akan meningkat bagi bulan September dan Oktober 2023 dengan jangkaan peningkatan perbelanjaan berkaitan dengan pekerja, terutama bagi pekerja baharu dan pembayaran kerja lebih masa. Secara amnya, para peniaga terus menghadapi kenaikan perbelanjaan disebabkan oleh beberapa faktor termasuk harga impot dan kos bahan yang lebih tinggi; perbelanjaan projek; dan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemberian. Seperti bulan sebelumnya, sebahagian perniagaan mengongsikan bahawa peningkatan pembayaran caruman majikan kepada Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) telah menyumbang kepada peningkatan kos perniagaan.

BSI September 2023	
Keadaan Perniagaan	
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.2
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.2

8. Dari segi **sektor ekonomi**, kebanyakan sektor mencatat sentimen optimistik bagi bulan September 2023 dengan lapan daripada sebelas sektor menunjukkan tahap indeks melebihi 50. Tiga sektor yang merekodkan sentimen optimistik yang tertinggi adalah sektor-sektor Kewangan dan Insurans; Pembinaan; dan Perkhidmatan Lain. Perniagaan-perniagaan dalam sektor Kewangan dan Insurans menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik dengan peningkatan aktiviti dan keuntungan untuk bulan September 2023. Sektor Pembinaan menjangka kenaikan dalam prestasi disebabkan peningkatan pesanan kerja dan projek-projek. Sektor Perkhidmatan Lain mengongsikan kenaikan jumlah projek dan pelanggan telah menyumbang kepada prestasi yang lebih baik. Sektor-sektor Minyak dan Gas; Pengangkutan dan Komunikasi; Kesihatan dan Pendidikan; Pembuatan; dan Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan semuanya melaporkan sentimen yang agak optimistik dengan indeks berada di tahap 50.1. Sektor-sektor ini menjangka keadaan lebih baik disebabkan peningkatan aktiviti, jualan yang lebih tinggi dengan promosi dan acara-acara yang dijalankan. Sementara itu, sektor-sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman; Hotel dan Restoran; dan Perdagangan Borong dan Runcit melaporkan keadaan perniagaan yang serupa dengan bulan Ogos 2023.

Keadaan Perniagaan September 2023 Mengikut Sektor	
Kewangan & Insurans	50.3
Pembinaan	50.3
Perkhidmatan Lain	50.3
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.1
Pengangkutan & Komunikasi	50.1
Kesihatan & Pendidikan	50.1
Pembuatan	50.1
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	50.0

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil, sederhana dan besar menjangka keadaan yang lebih baik pada bulan September 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Secara amnya, perniagaan rata-rata berpandangan positif dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan dan permintaan bagi produk dan perkhidmatan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro melaporkan keadaan lebih kurang sama pada bulan September 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan September 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.1
Sederhana	50.2
Besar	50.1


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: Rabiulakhir 1445H / Oktober 2023M
 Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yangerosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga September 2023



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.